

10 AUG 2002

Mahathir-BN

DR MAHATHIR MINTA PEMIMPIN BN TIDAK SOMBONG

IPOH, 10 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional (BN) supaya tidak bersikap sombong dan menunjuk-nunjukkan kemewahan mereka kerana ia boleh membawa kepada kekalahan mereka dalam pilihan raya.

Perdana Menteri berkata sebagai ahli politik, mereka perlu sedar tempat yang diduduki sekarang adalah hasil sokongan rakyat dan ia mungkin hilang dalam pilihan raya jika tidak dijaga dengan betul.

"Kalau tak hargai (sokongan), tak kenal daratan, saya yakin ahli politik itu tidak akan disokong dan akan hilang tempat," katanya pada majlis makan malam sempena kejohanan badminton Piala Perdana dan meraikan 21 tahun perkhidmatan beliau sebagai Perdana Menteri oleh Kelab Penyokong BN Perak di sini, malam ini.

Turut hadir ialah isteri beliau Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri Datin Seri Endon Mahmud dan Menteri Besar Perak Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali.

Presiden MCA yang juga Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, Presiden MIC yang juga Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu, Presiden Gerakan yang juga Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Lim Kheng Yaik, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak, beberapa menteri kabinet, menteri-menteri besar dan ketua-ketua menteri juga hadir pada majlis itu.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata jika pemimpin BN mahu berjaya dalam karier politik, mereka perlu tahu bagaimana menawan hati rakyat dan tidak mengamalkan sikap sombong dan hidup mewah kerana ia boleh menghakis sokongan rakyat.

Dr Mahathir juga berkata segala pencapaian dan pembangunan pesat yang dinikmati Malaysia dalam tempoh 21 tahun beliau menjadi Perdana Menteri tidak akan tercapai tanpa bantuan dan sokongan pelbagai pihak.

"Banyak puji-pujian yang ditujukan kepada saya dalam klip video yang ditunjukkan tadi. Sebenarnya, saya tak boleh buat semua itu tanpa bantuan dan sokongan ahli-ahli politik, pemimpin-pemimpin BN, pegawai-pegawai kerajaan dan semua yang terlibat dengan pembangunan negara," kata beliau.

Menurutnya semua pembangunan itu tidak akan tercapai jika beliau sekadar membuat keputusan dan memberi arahan tetapi tidak ada pihak yang mampu melaksanakannya.

Perdana Menteri berkata peluang juga harus diberikan kepada orang baru yang dilantik memegang sesuatu jawatan untuk membuktikan kemampuan mereka dan bukannya berasa was-was dan tidak menghormati mereka.

Dalam lawatan seharinya ke Perak, Dr Mahathir melawat Universiti Pendidikan Sultan Idris di Tanjong Malim, menghadiri jamuan tengah hari bersama-sama pemimpin BN negeri sebelum menutup kejohanan Piala Perdana di Stadium Indera Mulia.

-- BERNAMA

AR KAY NAK